

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: 04 November 2015 11:05
To: UUM - All Staff
Subject: MERAIKAN ASYURA MENERATKAN HUBUNGAN ANTARA STAF NCRC DAN PELAJAR



**Pusat Penyelidikan
Koridor Utara**
NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE
Universiti Utara Malaysia

4 NOVEMBER 2015 / 22 MUHARAM 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamu'alaikum wrh.wbt dan Salam Sejahtera.

MERAIKAN ASYURA MENERATKAN HUBUNGAN ANTARA STAF NCRC DAN PELAJAR



NCRC ONLINE: Staf NCRC dan juga pelajar UUM telah menyertai Majlis Asyura Perdana anjuran oleh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman bersempena dengan Sambutan Maal Hijrah 1437H/2015 pada 29 Oktober 2015 yang lalu.

Lebih 90 jabatan daripada pelbagai agensi kerajaan telah menunjukkan kreativiti dan kepakaran masing-masing dalam penyediaan bubur asyura tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pertanian dan Industri Asas Tani dan Pembangunan Usahawan Negeri Kedah, Yang Berhormat Dato' Suraya Yaakob berkata, program mengacau bubur asyura ini lebih fokus kepada kerjasama berpasukan dan juga mengeratkan hubungan silaturrahim di antara peserta.

"Memasak bubur asyura dilakukan secara bergotong-royong di dalam kawah dan seterusnya di sediakan di tempatkan khas bagi memudahkan juri untuk melihat dan memberikan markah," katanya ketika ditemui di Perkarangan Rumah Tok Su, Alor Setar, Kedah, minggu lepas.

Program yang bermula pada jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang berlangsung dengan meriah dan pelbagai aksi daripada para peserta yang hadir.

Munurut pelajar UUM Nurul Syafeezah Alias dan Hani Raidah Abd Yasin, program ini amat bagus jika dapat disertai oleh ramai lagi pelajar lain bagi mempelajari cara-cara penyediaan bubur asyura yang memerlukan disiplin, kesungguhan dan kegigihan bagi menghasilkan bubur asyura yang terbaik dan tahan lama.

Antara jabatan lain yang menyertai program ini adalah daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) , TEKUN, Jabatan Kraftangan, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan banyak lagi jabatan-jabatan yang terlibat dalam program tersebut.

Program ini merupakan salah satu program *Corporat Responsibility Social* (CSR) NCRC dimana agihan bubur asyura ini turut diedarkan kepada orang ramai.

Habis.

DARIPADA:

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)

ARAS 2, BANGUNAN EKONOMI

06010 UUM SINTOK

KEDAH DARUL AMAN

TEL.: 04-928 6559

FAKS: 04-928 6561

E-MEL: ncrc@uum.edu.my

WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my

FACEBOOK : Northern Corridor Research Centre –NCRC UUM (Official Facebook)

